

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

-----*-----*-----

Ahmad Haji Umar Pasir Panjang, Singapura bertanya: Kepada saya telah datang seorang wakil syarikat insuran nyawa ia menyatakan bahawa adalah sangat mustahak bagi tiap-tiap seorang memasukkan insuran nyawa itu bagi cagaran untuk anak-anak pada masa yang akan datang dengan memberi alasan-alasan yang munasabah. Kerana saya tidak mengetahui selok beloknya dalam perkara ini maka saya suka mendapat tahu bagaimana pandangan tuan tentang perkara ini serta bagaimana yang sebaik-baiknya untuk saya.

Jawab: Di dalam Singapura ini ada banyak syarikat-syarikat insuran nyawa yang terdiri daripada syarikat-syarikat yang besar. Mereka mengadakan wakil-wakil untuk mencari orang-orang yang suka masuk ke dalamnya dengan orang itu akan mendapat komisyen selama orang itu membayar.

Masa bagi insuran itu ditentukan lima tahun sepuluh tahun atau pun dua puluh tahun dengan berapa banyak pula wang-wang yang dijanjikan akan didapat oleh orang itu serta ditentukan pula bayarannya – boleh dibayar bulan-bulan atau pun setahun sekali.

Sebelum orang itu disetujui mengambil insuran nyawa itu maka ia terlebih diperiksa oleh doktor khas syarikat insuran itu dan setelah didapati sihat maka baharulah disetujui. Ada juga di antara orang-orang yang disetujui itu, kerana orang cukup sihatnya yang telah diterima sekadar mendapat sepuluh ribu ringgit masa-masanya dan yang cukup sihat diterima dengan membayar tambahan bagi sesuatu kemalangan dengan bayaran tiga kali lipat daripada itu, jika ia mengambil sepuluh ribu jadi ertinya akan mendapat sebanyak tiga puluh ribu jika ia ditimpa oleh sesuatu bencana.

Sesungguhnya pada sekali imbas, dengan hitungan panjang, adalah yang demikian sangat menarik orang-orang memasukkannya apabila diselidiki lebih jauh tentang cara-caranya maka adalah meletakkan kita, menurut pendapatan kami, kepada pertaruhan yang dalamnya terletak kalah atau menang seperti keadaan judi.

Umpamanya seorang sudah diterima mengambil untuk mendapat \$10000 bagi 20 tahun dan dengan bayaran tambahan untuk kemalangan jika terjadi kemalangan atas dirinya akan mendapat \$30000. Dalam tiap-tiap bulan orang ini akan membayar lebih kurang \$162.00. Bayaran itu hendaklah dibayar tidak lewat daripada masa-masa yang ditentukan dan apabila dalam masa sebelum

tiga tahun ia terlewat memberi, maka pihak syarikat itu menghendaki orang itu diperiksa semula. Umpamanya ia telah memberi dua tahun setengah iaitu sebanyak \$1620.00 dan masuk kepada masa kemudian ia terlambat membayar itu pihak insuran itu menghendaki ia diperiksa semula dan jika orang itu didapati ada mengidap penyakit yang dipandangnyanya berbahaya seperti batuk kering lebih darah dan sebagainya maka orang itu diputuskan daripada pembayarannya dan wang-wangnya itu terkadang satu sen pun tidak lagi dibalikkan kepadanya – dan jika ada timbangan harus dipulangkan sebanyak lebih kurang 25 peratus sahaja.

Juga sekiranya cukup masa orang itu genap sehingga habis bayarannya maka ia hanya menerima wangnya tidak mencukupi bagi disimpan tetapi di sebalik itu apabila terjadi sesuatu kemalangan atas dirinya seumpamanya ia dilanggar oleh motokar, maka waris-warisnya yang disebutnya di dalam surat akuannya itu akan menerima sebanyak \$30000 itu.

Dengan apa yang tersebut ini zahir, menurut pandangan kita sudah terang keadaannya sebagai suatu pertaruhan yang ditegah oleh syarak. Sungguhpun ada faedah tetapi di sebalik daripada faedah itu ada pula ruginya yang bersabit seakan-akan dengan pertaruhan. Rasanya yang demikian ini memadai dengan tidak payah dibawa keterangan-keterangan yang lebih dalam tentang nas-nasnya.

* * *

Muhammad Yasin Siraji, Panchor, Muar, Johor bertanya. Harap tuan beri keterangan dengan hadithnya sekali baik apakah hukumnya qunut pada sembahyang Isyak?

Jawab: Ibnu Abbas telah berkata: Rasulullah(SAW) pernah qunut sebulan berturut pada zuhur, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh pada akhir tiap-tiap sembahyang sesudah berkata “sami’allah huliman hamidah, iaitu pada rakaat yang akhir, ia doakan kecelakaan atas puak-puak yang bernama Za’al-za’al Zakwan daripada kaum Bani Salim: Dan makmum yang dibelakangnya mengaminkan doa” – hadith diriwayatkan oleh Abu Daud:

Ada beberapa hadith lagi tentang ini yang dalamnya dinyatakan bahawa qunut itu dijalankan ialah kerana perkara-perkara kesusahan dan masa-masa yang mustahak juga qunut itu biasa dibaca di dalam sembahyang witr.

Adapun tentang menetapkan qunut pada waktu Subuh itu sebagaimana yang diambil fahaman daripada mazhab Imam Syafie maka perkara ini ialah

perkara khilafiah. Di dalam riwayat-riwayat yang didatangkan bahawa Rasulullah (SAW) tidak menetapkan qunut itu sebagai suatu pekerjaan wajib, ia hanya sunat jua. Rasulullah tidak menetapkan qunut itu khas dibaca di dalam sembahyang Subuh sahaja tetapi ia baca juga pada lain-lain masa. Bahkan ada hadith yang meriwayatkan bahawa khalifah Abu Bakar dan Umar seumur hidupnya tidak pernah membaca qunut di dalam sembahyang seperti yang diriwayatkan Hakim Tabrani yang maksudnya:

Ibnu Mas'ud telah berkata: Rasulullah tidak pernah qunut di dalam sembahyang melainkan pada witi, dan sunggupun Rasulullah (SAW) apabila berperang ia qunut di dalam semua sembahyangnya iaitu ia doakan kecelakaan atas kaum Musyrikin. Abu Bakar dan Umar tidak qunut sehingga mati: Dan Ali tidak juga Qunut melainkan ketika ia memerangi ahli Syam: dan adalah qunutnya semua sembahyang”

Jadi bagi jawapan tuan maka adalah mengikut pendapat kita bahawa harus qunut pada sembahyang Isyak dan pada semua sembahyang jika sekiranya berlaku masa kesusudhan dan masa-masa mustahak sangat.

* * *

Abu Mansor bin Hasan, S.C Koperal 18024 Cassifer Estate Puchong bertanya: Apakah fasalnya jikalau sudah mati dikuburkan kemudiannya dimasukkan ke dalam lubang lahad dibangkan pula?

Jawab:Perbuatan mengebangkan mayat di dalam lubang lahad itu adalah biasa digunakan orang-menurut pendapat kita tidak ada keterangannya di dalam Al-Quran dan Al-Hadith. Sunat azan itu mengikut pendapat kitab-kitab fikah adalah kepada anak-anak yang baharu lahir-sebagai aluan-aluan dan tidak munasabah benar orang-orang yang pergi dibangkan. Setengah-setengah ulama menetapkan bahawa azan bagi mayat itu bidaah.

* * *

Abdul Manan bin Umar, Kuala Atuk, Raub Pahang bertanya: Halalkah atau haram memakan faedah pinjaman? – Kalau haram adakah helah untuk menghalalkannya?

Jawab: Mengambil faedah pinjaman itu dengan lebih terang dikenal oleh orang-orang kita dengan perkataan “makan bunga” atau “mengambil bunga” itu adalah haram. Bunga atau riba adalah dengan tepat ditegah oleh agama. Di dalam tegahan-tegahan yang sebegitu terang dan nyata maka bagi seseorang yang beriman kepadanya tidaklah ia akan mencari dalih atau helah baginya. Helah atau dalih itu sebenarnya adalah menipu kepada diri sendiri – memperbodahkan diri sendiri atau melanggar hukum-hukum yang telah ditentukan oleh Allah itu.

* * *

Kamalih Ismail, Kuala Johol, Tampin Negeri Sembilan dan beberapa orang lagi bertanya: Adakah sah sembahyang memakai pakaian yang berdobi di kedai Cina?

Jawab: Di dalam pertanyaan ada maksud yang umum kita yakin

bahawa di dalam pertanyaan ini ada terkandung maksud bahawa Cina yang memendobi baju itu harus menyembur baju-baju itu dengan mulutnya. Kita suka juga membawa perhatian bahawa banyak dobi-dobi Cina sekarang yang menyembur baju-baju itu dengan memakan pam-pam air di dalam botol.

Tetapi sekalipun terjadi kedua-duanya maka tidak ada keterangan daripada Al-Quran dan Al-Hadith yang menyatakan bahawa mulut atau air liur Cina itu najis sekalipun ia memakan babi dengan dimakan tentulah pakaian yang digosok dengan semburan air mulutnya itu tidak najis bagi dibawa sembahyang-sembahyangnya adalah sah.

Di sebalik itu lain perkara jika memakainya itu geli atau jijik-tidak termasuk di dalam perkara ini.

* * *

Buyung Hamzah, Sungai Raya, Kampung Kepayang, Perak bertanya: Apa sebabnya babi diharamkan bagi orang-orang Islam memakannya?

Jawab: Babi itu diharamkan orang-orang Islam memakannya adalah mengikut firman-Nya Allah di dalam Al-Quran yang telah diharamkan binatang itu dimakan bagi orang-orang yang beriman maka hendaklah ia taat kepada tegahan itu bagi itu diharamkan adalah ia dengan tidak pernah dipandang atau dilihat oleh orang-orang Islam di Mekah dan di Madinah. Binatang itu tidak ada di sana dan kerana itu jika tuan tanya kepada mereka keadaan babi itu mereka tidak mengetahuinya.

Tidak ada sebab yang nyata yang diterangkan mengapa babi itu diharamkan memakannya tetapi ada berbagai-bagai falsafah orang yang diberi-tidak daripada pertunjuk yang nyata atau tepat-umpamanya dagingnya ada membawa kuman yang sangat payah dimatikan dan lain-lain. Tetapi yang lebih makqul adalah kalau kita perhati keadaan binatang itu kotor tabiatnya, kotor makanannya dan kotor perangnya-lazimnya makanan itu sedikit sebanyak akan membawa pula kepada perubahan tabiat kita. Inilah sahaja keterangan yang dapat kita beri-sunggupun ada banyak lagi keterangan-keterangan tetapi keterangan itu hanya pandangan jua. Kita hanya mengingatkan bahawa binatang di Mekah dan di Madinah di dalam mana binatang itu tidak ada di sana. Dengan ini menunjukkan bagaimana agama Islam itu meliputi perintah-perintahnya ke merata dunia.

* * *

Muhammad Yusuf bin Haji Ismail, Gombak, Kuala Lumpur bertanya: Sekiranya saya, membuat sebuah rumah daripada wang loteri, bolehkah saya beramal ibadat seperti sembahyang, berkenduri dan sebagainya di rumah itu?

Jawab: Boleh perkara amal ibadat tuan adalah tidak kena mengena dengan hukum haramnya loteri itu. Jika tuan mendapat wang loteri jika sudah tentu tuan telah melanggar satu hukum yang tertentu tetapi melanggar itu tidak bermakna telah menahan tuan daripada membuat pekerjaan yang lain-umpamanya bersedekah dan sebagainya-hanya sanya sedekah tuan itu tidak mendapat pahala daripadaNya sedang dosa menerima wang loteri itu akan tetap ada kepada tuan.

Seorang lelaki bertanya Rasulullah (SAW): Ya Rasulullah sesungguhnya (apa hukumnya) saya mengikut berperang kerana Allah dan kerana hendak dipuji keberanian saya. Rasulullah (SAW) tidak menjawab apa-apa kepadanya sehingga turun ayat firman-Nya Allah yang maksudnya –barangsiapa percaya yang ia akan menghadap Tuhannya maka hendaklah ia mengerjakan amal yang baik-baik dan janganlah ia menyekutukan sesiapa pun dengan Tuhannya tentang mengerjakan perintah-Nya –(maksud hadith sahih riwayat hukama).

Tiap-tiap sesuatu amal atau pun usaha adalah bergantung kepada ikhlasnya dan kebersihan diri masing-masing dan kerana itu janganlah hendaknya sesuatu itu dicampurkan kepada yang lain.

* * *

Ahmad Rais, Bukit Timah Singapura bertanya: Setiap hari saya berdoa kepada Allah meminta dimurahkan rezeki, dipanjangkan umur dan sebagainya-adakah doa itu dikabulkan Tuhan?

Jawabnya: Sebelum menerima keterangan dalam perkara ini maka mustahak di sebut bahawa doa yang dimaksud oleh agama itu ialah dengan ikhlas meminta kepada Allah subhanahu wa taala dengan ikhlasnya ndan yakin bahwa Allah boleh mengkabulkan permintaannya itu. Meminta itu janganlah keluar daripada peraturan yang telah diatur oleh Allah. Allah telah menyatakan di dalam Al-Quran bahawa tidak boleh mengubat peraturan-peraturan yang telah dibuatnya seperti firman-Nya (maksudnya)

“Tidaklah engkau akan peroleh bahan pada peraturan Allah itu” – (Q Surah Al-Ahzab 62).

Seseorang yang meminta supaya bertambah rezeki, umur panjang dan bertambah ilmu itu maka mnestilah lebih dahulu kita berusaha dan bekerja menuju kepada yang kita kehendaki kerana Tuhan tidak akan menurunkan hujan emas atau perak serta ilmu dari langit ini. Siapa yang bermaksud supaya bertambah rezeki dan hartanya serta ilmunya itu tidaklah memadai hanya membaca doa sahaja.

Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya): Kalau engkau bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakal. Maka ia akan memberi rezeki kepada kamu sebagaimana ia beri rezeki kepada burung yang pada pagi-pagi terbang dengan paruh kosong dan petang balik paruh kenyang.

Umar Ibnu Al-Khattab berkata (maksudnya): “Janganlah kamu tinggal diam daripada mencari rezeki dengan berkata Ya Allah berilah aku rezeki – kamu telah ketahui bahawa langit itu tidak menurunkan hujan emas atau perak”.

Daripada dua keterangan ini zahir bahawa tiap-tiap doa itu hendaklah disertakan dengan usaha dan tenga – dan sebab itulah Islam sangat mencela kepada malas dan berharap kepada belas kasihan dan tenaga orang lain Allah telah berfirman (maksudnya): Allah itulah yang telah menjadikan kamu dari bumi dan Ia menuntut supaya kamu mengusahakannya (memakmurkannya). (Q Surah Hud ayat 70).

Firman-Nya lagi (maksudnya): “Kami telah jadikan siang hari itu bagi tempat berusaha” (Q surah Al-Naba’ ayat 11).

Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya): Sebaik-baik usaha itu adalah usaha orang yang tulus – (hadith riwayat Ahmad).

Daripada keterangan-keterangan ini zahir bahawa berusaha dengan tulus ikhlasnya serta bersungguh-sungguh itu adalah dituntut oleh Allah dan Rasul-Nya. Kita dikehendaki bekerja dan berusaha kerana sekiranya rezeki itu boleh didapati dengan doa sahaja maka sudah tetap kita tidak disuruh oleh Tuhan berusaha. Dengan itu maka doa kita itu tidak akan terkabul dengan hanya kita tinggal diam – tidak berusaha meyakinkan apa yang kita kehendaki dengan kita itu.

Jika kita perhati bahawa junjungan kita Muhammad (SAW) telah dijanjikan Allah kepadanya bahawa Ia membawa agama yang utama di muka bumi ini – ia menerima janji Tuhan yang tidak mungkir itu bukannya dia tetapi berusaha dan bertenaga dengan darah dan peluhnya menjadikan agama Islam yang dibawanya supaya menjadi tinggi.

Sebenarnya doa itu memang perlu sebagaimana sabdanya (maksudnya): Doa itu ialah ibadah – seraya Nabi membaca firman Allah – berdoaah kepada Aku nescaya aku perkenankan kamu (hadith riwayat Abu Daud).

Dengan ringkasnya bahawa doa seseorang itu boleh dikabulkan Tuhan kalau ia berdoa dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas sambil mengerjakan sebab-sebab yang boleh menyampaikan kepada maksud itu seperti bekerja, berniaga, berkebun dan seumpamanya sambil berdoa kepada Allah mudah mudahan Allah menyampaikan maksud-Nya. Fahamlah seterusnya kepada tujuan-tujuan yang dihajati dengan doa itu.

* * *

Kasim bin Ismail, General Hospital Batu Gajah bertanya: Setengah daripada ubat-ubat yang ada daripada penyakit itu ada mengandungi alkohol. Campuran itu ditujukan supaya ubat-ubat yang berasal daripada akar-akar dan daun-daun kayu itu tidak rosak serta boleh disimpan beberapa tahun lamanya-dengan itu apakah hukumnya paa sisi agama?

Jawab: Barang-barang yang memabukkan seperti alkohol, racun dan seumpamanya adalah diharuskan dicampuri sebagai ubat iaitu dengan cara ilmu pengetahuan yang sebenar – tidak pakai agak sahaja. Suatu barang yang haram diluluskan dimakan apabila tiba masa mudharat, atau berhajat kepadanya dengan peraturan-peraturan yang tertentu dan kerana itu, menurut fahaman ulama maka alkohol harus dimakan dan tidak ditegah oleh syarak – demikian juga orang yang mencampurkannya seperti “dispensor” tidak menanggung suatu kesalahan pun.